

06/06/1999

Wakil lima agensi tunggu penjelasan JPA

KUALA LUMPUR: Majlis Bersama Kesatuan Sektor Awam Yang Diasingkan yang mewakili 10,892 kakitangan lima agensi kerajaan akan menunggu penjelasan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berhubung pengumuman pelarasan gaji dengan kenaikan RM150 hingga RM200 sebulan.

Presiden majlis itu, Mohd Noor Abdullah, berkata wakil lima agensi terbabit akan bertemu JPA untuk mendapatkan maklumat sepenuhnya berhubung pelarasan gaji terbabit, yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad petang semalam.

"Kami ingin mendapatkan penjelasan sepenuhnya, kerana pengumuman semalam tidak memberikan bentuk pembayaran yang diberi sama ada dalam bentuk topping-up atau pelarasan erti kata sebenarnya.

"Selain itu, pengumuman yang sama juga tidak menyentuh imbuhan tetap perumahan yang dimasukkan ke dalam kertas cadangan asal kami," katanya di kediamannya, semalam.

Setibanya di tanah air selepas mengadakan lawatan ke Jepun, Dr Mahathir mengumumkan pelarasan gaji dengan kenaikan RM150 hingga RM200 sebulan bagi kakitangan agensi berkenaan, berkuatkuasa 1 Januari 1995.

Menurut Perdana Menteri, kakitangan eksekutif akan menerima kenaikan RM200 manakala kakitangan bukan eksekutif pula RM150 sebulan, yang membabitkan implikasi kewangan RM92.4 juta.

Kerajaan juga bersetuju meluluskan tambahan bayaran kadar imbuhan tetap kerajaan dan bayaran pembantu rumah bulanan kepada kumpulan eksekutif setaraf Jawatan Utama Sektor Awam (Jusa).

Ini termasuk imbuhan tetap antara RM1,000 hingga RM2,000 sebulan, manakala bayaran pembantu rumah antara RM500 dan RM1,000.

Mohd Noor yang juga Presiden Kesatuan Kakitangan Perkeso, berkata majlis itu bagaimanapun bersyukur dengan pengumuman itu, yang sekali gus menamatkan penantian lebih empat tahun.

"Kami sebagai kakitangan kerajaan, sudah tentu akan patuh kepada dasar. Tetapi masih ada kajian yang perlu kerana kemungkinan beberapa imbuhan tertentu tidak dimasukkan ke dalam pengumuman kerajaan itu," katanya.

(END)